

**MINIT MESYUARAT
MAJLIS BERSAMA JABATAN (MBJ) BILANGAN 1 TAHUN 2026
JABATAN LANDSKAP NEGARA**

Tarikh : 28 April 2026 (Selasa)
Masa : 4.00 petang
Tempat : Bilik Mesyuarat Bunga Raya
Jabatan Landskap Negara

HADIR:

Wakil Pihak Pegawai

- | | |
|--|-------------------------------|
| 1. Encik Mansor bin Mohamad
Ketua Pengarah | – Pengerusi |
| 2. Dr. Mazifah binti Simis
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) | |
| 3. Encik Ahmad Syaharuddin bin Kamaruddin
Timbalan Ketua Pengarah (Dasar) | |
| 4. Encik Syamsul Erwin bin Muhamad Lagis
Pengarah Bahagian Khidmat Pengurusan | |
| 5. Encik Mohammad Firdaus bin Norrzuan
Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Khidmat Pengurusan | – Setiausaha
Pihak Pegawai |

Wakil Pihak Pekerja

- | | |
|--|------------------------|
| 1. Encik Mohd Nasir bin Mohamed
Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Promosi dan Industri Landskap | – Pengerusi
Bersama |
| 2. Encik Mohd Nazeiree bin Lep
Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Pembangunan Landskap | |
| 3. Puan Norhaizulazmirai binti Yusoff
Penolong Pengarah Kanan
Bahagian Pembangunan Landskap | |
| 4. Puan Nurul Aini binti Othmanul Hakim
Penolong Pengarah Kanan (Kewangan)
Bahagian Khidmat Pengurusan | |

5. Encik Hasri bin Hj Saide
Penolong Arkitek Landskap Kanan
Bahagian Taman Awam
6. Puan Hafiza binti Mohd Arsau
Penolong Arkitek Landskap
Bahagian Penilaian dan Penyelarasan
7. Puan Nur Shazwana binti Ishak
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
Bahagian Teknologi Maklumat
8. Encik Mohamad Asyraf bin Mohamad Sidik
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)
Bahagian Khidmat Pengurusan

TIDAK HADIR DENGAN MAAF:

Wakil Pihak Pekerja

1. Puan Sakinah binti Che Yunus
Penolong Arkitek Landskap
Bahagian Khidmat Teknikal
2. Encik Mazkhalis bin Mahi
Penolong Arkitek Landskap
Bahagian Promosi dan Industri Landskap

Urus Setia

1. Puan Hernizawati binti Abdul Majid
Ketua Pembantu Tadbir
Bahagian Khidmat Pengurusan

1.0 PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1 Tuan Pengerusi mengucapkan salam dan mengalu-alukan kehadiran semua ahli ke Mesyuarat MBJ JLN Bil. 1/2026.
- 1.2 Pengerusi mengingatkan ahli MBJ agar menyampaikan kepada pegawai-pegawai JLN agar sentiasa melaksanakan tugas mengikut tatakelola yang berkuatkuasa sepertimana yang telah ditetapkan oleh Kerajaan.
- 1.3 Selain daripada itu, Pengerusi juga meminta agar pegawai-pegawai JLN menjaga disiplin sebagai penjawat awam. Jabatan akan mengambil tindakan terhadap sebarang salah laku warga JLN. Dalam pada masa yang sama Pengerusi juga menasihatkan warga JLN untuk sentiasa berkomunikasi dengan pegawai Penyelia masing-masing, ini kerana banyak aduan berhubung tatatertib boleh diuruskan dengan lebih baik jika pegawai mempunyai komunikasi yang berkesan dengan pegawai penyelia masing-masing.

2.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

- 2.1 Minit Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan Bil. 3/2026 bertarikh 3 Oktober 2025 disahkan tanpa sebarang pindaan.

3.0 PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

3.1 Gambar Kakitangan Jabatan Dalam Web JLN

- 3.1.1 Mesyuarat Gambar kakitangan Jabatan telah dikeluarkan daripada Direktori JLN pada 4 Disember 2025.

Makluman

3.2 Semakan Arah Kiblat

- 3.2.1 KEKSAR akan semak keperluan peruntukan berhubung peletakan penanda arah kiblat di tempat solat tiap bahagian.

Makluman

3.3 Penggunaan Makmal Komputer Aras 8 dan Bilik Latihan Aras 7

- 3.3.1 BDPK dan BTM mengambil maklum keputusan mesyuarat dan memaklumkan bahawa penggunaan bilik latihan oleh agensi luar adalah dihadkan kepada sekali sebulan.

Makluman

3.4 Kutipan Wang Sumbangan Untuk Warga Palestin

- 3.4.1 KEKSAR akan melaksanakan inisiatif ini tertakluk kepada keperluan isu-isu semasa.

Makluman

3.5 Pengurusan Jawatankuasa Tender JLN

- 3.5.1 Edaran Memo Dalaman kepada semua pengarah telah dikeluarkan bagi memaklumkan berhubung pengurusan Jawatankuasa Tender JLN pada 17 Oktober 2025.

Makluman

3.6 Keperluan Mikrofon Di Dalam Bilik Mesyuarat Bunga Raya

- 3.6.1 Pihak UTW telah melakukan pemeriksaan mikrofon pada 17 April 2026 dan mendapati keadaan mikrofon berfungsi dengan baik dan ujian suara mikrofon adalah jelas. Untuk sebarang masalah mikrofon, pihak UTW minta diajukan sebarang permasalahan kepada mereka.

Makluman

4.0 USUL-USUL BAHARU

- 4.1 Usul supaya penggunaan pelekat kenderaan untuk kakitangan JLN untuk memastikan lot parkir Jabatan digunakan hanya oleh kakitangan.

- 4.1.1 Mesyuarat mengambil maklum yang Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH) telah mengeluarkan pelekat khas untuk Parcel F.

- 4.1.2 Pengerusi berpandangan yang pengeluaran pelekat khas untuk kakitangan JLN tidak akan menyelesaikan masalah parkir JLN digunakan pegawai Jabatan lain dan pelawat luar kerana 'boom gate' dibuka pada jam 8.00 pagi hingga 9.00 pagi.

Makluman

- 4.2 Peruntukan parkir sekurang-kurangnya 2 lot untuk AJK KEKSAR berikutan keperluan untuk Ahli Jawatankuasa berurusan diluar bagi pelaksanaan & perancangan program. Sebagai insentif galakan kepada Ahli KEKSAR yang melaksanakan tanggungjawab secara sukarela.

- 4.2.1 Pengerusi meminta BKP untuk semak ketersediaan dan kecukupan parkir sekiranya boleh untuk diperuntukkan kepada KEKSAR.

Tindakan: BKP

- 4.3 Kawalan parkir oleh pihak pengurusan bangunan. Berlaku keadaan pengunjung luar, terutama yang hadir temuduga SPA / SPP yang menggunakan parkir Jabatan.

- 4.3.1 Pengerusi meminta BKP untuk berhubung dengan pihak BPH dan memohon BPH untuk maklumkan kepada SPA dan SPP agar memasukkan maklumat berhubung kawalan trafik serta info kawasan letak kereta yang dibenarkan di dalam surat panggilan temuduga mereka.

Tindakan: BKP

- 4.4 Penggunaan mesin penyalin berwarna bagi semua bahagian. Ini kerana mesin penyalin lebih jimat masa dan efisien dan juga 'toner' mesin penyalin lebih murah daripada mesin pencetak. Ini dapat menjimatkan wang negara dan juga dapat menjimatkan masa mencetak/menyalin dokumen.

- 4.4.1 BKP akan buat penyelarasan selepas tamat kontrak mesin penyalin pada Oktober 2027.

Tindakan: BKP

- 4.5 Isu ketidakcukupan tempat letak kereta bagi kakitangan di kawasan pejabat. Masalah ini telah berlarutan dan semakin memberi kesan negatif kepada urusan kerja harian para kakitangan.

- 4.5.1 Isu ketidakcukupan tempat letak kereta bagi kakitangan di kawasan pejabat Masalah ini telah berlarutan dan semakin memberi kesan negatif kepada urusan kerja harian para kakitangan.

- 4.5.2 Ramai kakitangan terpaksa meletakkan kenderaan di kawasan yang tidak sesuai dan kurang selamat, termasuk di tepi dinding disebabkan kekurangan tempat letak kereta. Keadaan ini bukan sahaja menimbulkan risiko kerosakan kenderaan, malah boleh membahayakan keselamatan kakitangan dan pengguna jalan yang lain.

- 4.5.3 Ketidakcukupan tempat letak kereta turut berpunca daripada ruangan parkir khas untuk pegawai Gred J10 dan ke atas yang tidak dimanfaatkan secara optimum.

- 4.5.4 Berdasarkan pemerhatian, banyak ruang parkir tersebut dibiarkan kosong apabila pegawai berkenaan bercuti, berkursus atau berada di luar pejabat (outstation). Situasi ini menyebabkan penggunaan ruang parkir menjadi tidak efisien memandangkan ruang tersebut boleh dimanfaatkan oleh kakitangan lain yang lebih memerlukan.

- 4.5.5 Mencadangkan agar pihak pengurusan dan MBJ mempertimbangkan langkah-langkah berikut:
- a) Kajian semula pengagihan ruang parkir supaya lebih adil dan selaras dengan keperluan semasa.

- b) Menambah baik pengurusan parkir, termasuk pewujudan zon khusus atau penggunaan sistem notifikasi status kehadiran pegawai yang mempunyai parkir khas.

4.5.6 Minit mesyuarat MBJ Bil.1/2024 telah memaklumkan bahawa BPH dalam Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Penyelenggaraan dan Jawatankuasa Pemantauan Perjanjian Konsesi Parcel F Bil.10/2023 mengambil berat isu parkir di Parcel F dan bersetuju pegawai dibenarkan meletak kenderaan di mana-mana laluan bersesuaian yang tidak menghalang lalu lintas serta laluan pintu kecemasan dan tangga.

Makluman

- 4.6 Mesyuarat mengambil maklum pertanyaan berhubung Pemandu Gantian yang ditugaskan mengendalikan kenderaan jabatan bagi tujuan lawatan projek layak memohon Elaun Tugas Memandu Kenderaan (ETMK). Sekiranya boleh, bagaimana cara tuntutan boleh dibuat dan mohon pengesahan bahawa pemandu tersebut juga layak membuat Tuntutan Perjalanan (Elaun Makan/Harian/Lojing) dan Bayaran Kerja Lebih Masa (OT) mengikut pekeliling yang berkuat kuasa.

4.6.1 Pengerusi meminta BKP untuk menyemak perkara ini.

Tindakan: BKP

- 4.7 Isu Penyelenggaraan Bangunan: Kunci Pintu Utama Aras 10.

4.7.1 Pintu utama ke Pejabat KP JLN & Unit Integriti tidak lagi dikunci pada waktu petang selepas waktu kerja. Sebelum ini ada PIC dari BKP untuk mengunci pintu-pintu utama laluan masuk ke setiap Bahagian dan aras.

4.7.2 Seperti mana pihak MBJ sedia maklum, Pejabat KP JLN & Unit Integriti menyimpan dokumen-dokumen terperingkat (Rahsia & Sulit).

4.7.3 Dimohon agar pihak MBJ mempertimbangkan perkara ini agar keselamatan di Pejabat KP JLN & Unit Integriti terjaga terutama ketika hujung minggu dan cuti umum.

4.7.4 Mesyuarat mengambil maklum perkara berikut:

- a) wakil BKP yang dilantik sebelum ini adalah Encik Mohammad Ikmal bin Abdul Rahman, PKA di BKP.
- b) Walau bagaimanapun, terdapat kuiri tuntutan lebih masa bagi urusan ini dan BKP membuat keputusan untuk tidak meneruskannya.

- c) Dokumen terperingkat dan sulit hendaklah disimpan mengikut pekeliling yang berkuatkuasa seperti berikut:
- i. Surat Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 1981- Kawalan Rahsia Kerajaan;
 - ii. Buku Arahan Keselamatan-Keselamatan Dokumen (Per. 42-76); dan
 - iii. Surat PKPKKM {KPKK(R) 200/55Klt.7 (21)} Bertarikh 21. 8.1999 -Kawalan Keselamatan Rahsia Rasmi dan Dokumen Rasmi Kerajaan.

Makluman

4.7.5 Pengerusi meminta BKP untuk semak dengan dengan pihak UTW jika ada kaedah untuk 'auto lock' pintu-pintu utama di JLN.

Tindakan: BKP


5.0 HAL-HAL LAIN

- 5.1 Pengerusi merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Puan Nur Shazwana binti Ishak sepanjang perkhidmatan beliau di JLN. Beliau akan berpindah keluar ke Kementerian Kesihatan Malaysia mulai 2 Mei 2026.


6.0 PENUTUP

- 6.1 Pengerusi mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah hadir ke mesyuarat kali ini dan mesyuarat tamat pada jam 5.00 petang.

Disediakan oleh:



.....
MOHAMMAD FIRDAUS BIN NORRZUAN
Setiausaha Pihak Pegawai MBJ JLN



.....
HASRI BIN HJ SAIDE
Setiausaha Pihak Pekerja MBJ JLN